



Bersama -  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

Pembentukan negara berdaulat serta pembinaan kesatuan rakyat asas terpenting kepada sebuah negara merdeka.

Tiada makna bagi sebuah negara berjuang sehingga mencapai kemerdekaan tetapi menjadi hancur kerana berlaku persengketaan dalaman akibat rakyatnya tidak bersatu.

Kesatuan rakyat menjadi agenda penting negara sejak hari pertama pembentukan Malaysia secara rasminya pada 16 September 1963.

Kini, hari pembentukan Malaysia yang bersejarah ini dinamakan Hari

Malaysia yang disambut dengan meriah dan penuh warna-warni.

Tahun ini usianya menjangkau 54 tahun. Tanpa mengira kedudukan geografi, semua rakyat Malaysia sama ada di Semenanjung atau Sabah dan Sarawak dengan kepelbagaian bangsa, suku kaum serta budaya dapat bersatu hati.

Kesepaduan bukan bermakna kita perlu sama dalam serba-serbi secara fizikal, tetapi paling penting kesediaan rakyat Malaysia bekerjasama serta saling hormat-menghormati.

Allah SWT berfirman dalam **Surah al-Hujurat, ayat 13** yang bermaksud: "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu

HARIAN METRO 14/9/2017 p.35

## Kesepakatan rakyat bina pertiwi

daripada lelaki dan perempuan dan Kami menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."

Dalam satu lagi firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi

dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu."

Kesepaduan rakyat Malaysia dalam kepelbagaian ini menjadi model terbaik kerana memiliki tahap toleransi boleh diterima semua pihak.

Sebarang pergeseran atau pertelingkahan yang wujud mestilah diselesaikan segera melalui perundingan.

Masyarakat majmuk Malaysia menolak keganasan kerana ia bukannya satu bentuk penyelesaian.

Perundingan menghasilkan kompromi serta dapat mengawal keadaan untuk menjadi lebih harmoni.

Dalam interaksi sesama manusia, Islam menerusi

**Surah al-Hujurat, ayat 11 dan 12** mengajar

penganutnya supaya tidak mencemuh dan merendah-rendahkan puak yang lain.

Mereka juga diminta tidak menyatakan keaiban masing-masing serta tidak memanggil dengan gelaran yang buruk.

Umat Islam juga diperintah untuk tidak mencari kesalahan atau keburukan orang lain selain tidak mengumpat.

Begitu jijik sekali perbuatan mengumpat sehingga diumpamakan seperti memakan daging saudaranya yang sudah mati!

Kepatuhan kepada sistem sosial Islam ini sudah tentu melahirkan manusia yang memiliki jiwa dan hati yang suci.

Perbezaan budaya, bahasa, warna kulit dan adat tidak menghalang kita untuk terus bersatu dengan saling menghargai sesama kita.

Kepelbagaian inilah memberikan kelebihan dan variasi dalam mencantikkan lagi spektrum kehidupan rakyat Malaysia.

Sama-samalah kita 'sehati sejiwa' tanpa mengira latar belakang dan fahaman untuk menjadikan Malaysia sebuah negara makmur, hidup harmoni dan bersatu padu.

Semoga Malaysia sentiasa dirahmati Allah SWT. Selamat menyambut Hari Malaysia. Dirgahayu Malaysiaku.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)**